

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 OGOS 2024
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Gerakan boikot tak beri kesan ketara ekonomi

Gerakan boikot tak beri kesan ketara ekonomi

Kuala Lumpur: Gerakan memboikot dilihat tidak memberikan kesan ketara kepada ekonomi negara memandangkan sumbangan subsektor makanan dan minuman kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) adalah kecil iaitu 2.4 peratus pada suku pertama 2024.

Kementerian Ekonomi menerusi jawapan ber tulis di Dewan Negara yang disiarkan di laman web Parlimen, kelmarin, berkata, kerajaan akan terus berusaha bagi memastikan ekonomi negara terus berkembang dan tidak terkesan dengan gerakan pemboikotan itu.

Ia menjelaskan pema-

haruan struktur ekonomi yang sedang dilaksanakan dijangka menyokong sasaran pertumbuhan ekonomi bagi mempercepat peralihan ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi.

“Pada masa sama, syarikat berjenama tempatan wajar mengambil peluang serta lebih kreatif dan inovatif dalam menawarkan produk tempatan yang berkualiti dan memenuhi cita rasa rakyat tempatan.

“Tindakan berkenaan secara tidak langsung akan meningkatkan lagi permintaan untuk produk buatan Malaysia,” katanya dalam satu kenyataan.